

05 NOV 1998

Mahathir-Hotel

MAHATHIR RASMI PALACE OF GOLDEN HORSES HOTEL

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Palace of the Golden Horses Hotel di Seri Kembangan di sini dengan harapan bahawa industri pelancongan akan pulih tidak lama lagi untuk kepentingan hotel-hotel di negara ini.

Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya bagi masyarakat asing menarik perhatian bahawa rakyat Malaysia berupaya mendirikan hotel-hotel yang indah.

" Malaysia mempunyai jurubina berkelayakan yang mampu membangunkan bangunan-bangunan yang indah dan saya berasa bangga mengenai hotel yang dibina di Malaysia," kata Perdana menteri.

Beliau secara berjenaka menyifatkan Palace of the Golden Horses Hotel sebagai "kandang kuda paling mewah di dunia".

" Jika anda mempunyai kuda keemasan, anda perlulah juga mempunyai kandang yang mewah," kata beliau sambil disambut gelak-ketawa daripada 500 orang tetamu yang hadir.

Beliau berkata hotel berharga RM250 juta itu amat unik dan bahawa kebanyakan mereka yang tinggal di hotel itu memberi pujian selepas menginap di sana.

Ketika mengulas tayangan video mengenai pembangunan hotel itu selama 22 bulan, Perdana Menteri berkata lawatannya dari semasa ke semasa dalam tempoh itu menunjukkan bahawa ia bersesuaian dengan tarikannya pada tapak-tapak binaan sedangkan orang lain gemarkan aktiviti seperti bermain golf dan bola sepak.

Orang Kenamaan asing yang pernah menginap di hotel berkenaan ialah Ratu Elizabeth, Presiden Mesir Hosni Mubarak, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah.

Hotel mewah yang mempunyai 481 bilik itu ialah satu daripada tujuh mercu tanda projek pembangunan Mines Resort City membabitkan RM1.5 bilion yang dijalankan oleh Country Heights Group of Companies.

Hotel yang menghadap tasik itu menonjolkan keindahan dengan kubah, menara kecil dan menara yang menyerupai menara di Stesen Keretapi Kuala Lumpur yang menggambarkan seni bina Moor dengan menggabungkan tradisi Melayu.

Kompleks yang meliputi kawasan seluas 5.5 hektar menonjolkan hiasan kuda yang menghiasai seriap sudut hotel.

Keindahan ukiran kayu digabungkan dalam kebanyakan seni bina hotel itu mencerminkan keunikan seni bina Malaysia.

Hotel itu akan menjadi tempat bagi forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bermula 11 Nov.

-- BERNAMA

MAM/ARA FAZ